

Penyenaraian MAS di BSKL tidak akan dibatalkan

UM 30 JAN 2002

KUALA LUMPUR 29 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan Malaysian Airline System Bhd. (MAS) tidak akan membatalkan penyenaraian di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berikutan penyusunan semula operasi syarikat itu.

“Saya ingin jelaskan perkara ini kerana laporan dalam sebuah akhbar agak mengelirukan.

“Orang menyangkakan yang kerajaan akan membentuk satu entiti baru yang dipanggil MAS, padahal hanya syarikat tersenarai itulah yang mengendalikan operasi antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam di sini hari ini.

Status

Semalam, Pengarah Urusan MAS, Datuk Md. Nor Yusof, mengumumkan MAS akan memindahkan status penyenaraian di BSKL kepada sebuah syarikat baru (Newco) yang akan mengendalikan operasi antarabangsa dan kargo syarikat itu.

Menurutnya, Newco akan tetap menjadi anak syarikat MAS dengan penguasaan sekurang-kurangnya 51 peratus kepentingan.

Dalam keadaan semasa sebelum penyusunan semula itu, 29 peratus ekuiti MAS dipegang oleh Kementerian Kewangan, 54 peratus oleh agensi-agensi lain kerajaan manakala 17 peratus lagi pegangan awam.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan telah mencadangkan supaya MAS hanya mengendalikan penerbangan antarabangsa menggunakan pesawat yang dipajak daripada kerajaan.

“MAS tidak akan memiliki sebarang pesawat. Macam operator hotel yang mengendalikan hotel tetapi bukan memilikinya.

Operasi

“Kerajaan akan memajak pesawat kepada MAS untuk diuruskan operasinya. Itulah syarikat yang akan mengambil tempat MAS yang sedia ada sekarang,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, MAS juga akan mengendalikan penerbangan domestik bagi pihak kerajaan.

Untuk itu katanya, kerajaan akan membayar kepada MAS apabila ia mula menjalankan operasi domestik.

Mengenai operasi dan aset MAS yang lain seperti MAS Catering dan MAS Engineering, Dr. Mahathir berkata, buat permulaan, semuanya akan diambil alih oleh kerajaan, sebelum dijual kepada yang berminat untuk membelinya.

Ini bermakna katanya, semua hutang yang ditanggung oleh MAS dalam pembelian pesawat dan kerugian syarikat berkenaan dalam bahagian kejuruteraan, laluan domestik dan catering, akan diambil alih oleh kerajaan dan kemudiannya dijual.

Ditanya sama ada kerajaan masih lagi berminat untuk mendapatkan rakan niaga strategik, beliau berkata:

“Ya, untuk operasi MAS. Kita masih lagi berminat. Tetapi kita mesti tahu apakah tujuan mereka kerana ia akan menjadi sebuah syarikat yang mengendalikan penerbangan tetapi tidak memiliki sebarang aset.”